

12 MAY 2003

Nazri-Teksi

PENGUSAHA TEKSI LEMBAH KLANG DISARAN TIDAK TUMPU DI KL SAHAJA

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Pengusaha teksi di Lembah Klang disaran agar tidak menumpukan operasi mereka di sekitar ibu kota sahaja memandangkan terdapat beberapa kawasan lain yang kurang mempunyai perkhidmatan teksi.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Nazri Tan Sri Abdul Aziz berkata walaupun lebih 13,000 permit teksi dikeluarkan tahun lepas, namun terlalu ramai pengusaha teksi yang beroperasi di ibu kota.

"Kawasan operasi teksi Lembah Klang luas, iaitu turut meliputi Kuala Lumpur, Seremban dan Selangor, tapi semua (pengusaha teksi) nak datang ke Kuala Lumpur. Ini menyebabkan kawasan seperti Klang dan Seremban tiada perkhidmatan teksi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran Hari Menghargai Pemandu Teksi, di Menara Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Hari Menghargai Pemandu Teksi itu yang julung kali diadakan dan dianjurkan oleh Syarikat Bakti Raya Sendirian Berhad bertujuan menghargai sumbangan pemandu teksi ibu kota yang telah membawa pelancong ke Menara Kuala Lumpur.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Menara Kuala Lumpur Zulkifli Mohamad dan Pengarah Bakti Raya Sdn Bhd S.Thavaratnam.

Nazri berkata pengusaha teksi perlu memberi perkhidmatan terbaik kepada pengguna tempatan bagi mengurangkan pergantungan kepada penumpang asing yang semakin berkurangan datang ke negara ini akibat Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Sementara itu beliau berkata kementerian itu dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) akan mengadakan Hari Kualiti Pemandu Teksi sebagai menghargai pemandu teksi yang berkhidmat dengan cemerlang dan berkualiti.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menetapkan tarikh Hari Kualiti tersebut. Saya juga sudah memaklumkan kepada semua persatuan pengusaha teksi supaya mengadakan program pemanduan berhemah sepanjang masa," katanya.

Di majlis yang sama, Nazri merasmikan kaunter teksi berkupon yang diselua oleh Syarikat Bakti Raya Sdn Berhad.

Menurutnya LPKP hanya akan membuka kaunter sistem berkenaan apabila menerima permohonan daripada syarikat teksi di Lembah Klang, memandangkan mereka lebih arif mengenai kawasan yang menjadi tumpuan pelancong asing dan tempatan di ibu kota.

--BERNAMA

RW HM ZB